



USM UNIVERSITI
SAINS
MALAYSIA



**PUSAT PENGAJIAN ILMU PENDIDIKAN
SEMESTER 1 SIDANG AKADEMIK 2020/2021**

PPK 212 : MASALAH PENDENGARAN

SOALAN :

- 1. Bincangkan perbezaan kod tangan bahasa melayu (ktbm) dengan bahasa Isyarat Malaysia (bim).**
- 2. Bincangkan mengenai isu perkembangan bahasa dan sosial murid masalah pendengaran.**

DISEDIAKAN OLEH:



ANDI ARNAISAH BINTI ANDI ARNIS

(148634)

NAMA PENSYARAH :

PROF MADYA DR AZNAN CHE AHMAD

1.Bincangkan perbezaan Kod Tangan Bahasa Melayu (KTBM) dengan Bahasa Isyarat Malaysia (BIM).

Menurut Ling, (1989) bahasa isyarat ialah kaedah berkomunikasi yang digunakan oleh golongan bermasalah pendengaran. Bahasa isyarat merupakan bahasa yang menggunakan komunikasi manual tangan selain daripada bunyi dan suara untuk menyampaikan maksud. Komunikasi ini menggabungkan bentuk tangan, orientasi dan pergerakan tangan, lengan, badan, dan ekspresi muka untuk menyampaikan isi hati penyampai untuk difahami oleh orang lain. Di Malaysia terdapat dua jenis bahasa isyarat yang utama digunakan secara meluas iaitu Bahasa Isyarat malaysia (BIM) dan Kod tangan Bahasa Melayu (KTBM). Untuk membezakan dua jenis bahasa isyarat ini bolehlah dikatakan bahawa BIM lebih kepada percakapan harian biasa manakala KTBM lebih kepada bahasa yang biasa digunakan dalam penulisan dan rasmi.

Antara perbezaan yang ketara dalam BIM dan KTBM ialah KTBM direka oleh kumpulan pendidik yang bukan pekak. Mereka mengambil dan menukar Bahasa Isyarat Amerika (ASL) untuk diubahsuai dengan Bahasa Malaysia. Kumpulan pendidik yang mencipta KTBM ini hanya mempunyai pengetahuan yang terhad dalam kebudayaan pekak. Oleh sebab itu, kebanyakan warga pekak tidak mengamalkan KTBM ini secara menyeluruh. Tetapi ia amat relevan digunakan untuk pengajaran Bahasa Malaysia di sekolah. Manakala, BIM pula merupakan bahasa yang diciptakan oleh orang-orang pekak itu sendiri. Maka penggunaan BIM dalam komunikasi antara orang pekak adalah lebih difahami dan selesa digunakan.

Selain itu, perbezaan antara BIM dan KTBM yang dapat kita lihat daripada tatabahasa, Bahasa Isyarat Malaysia (BIM) merupakan satu bahasa yang tidak mengikut tatabahasa dari mana-mana bahasa yang wujud di dunia ini. Ianya tidak mengikut struktur bahasa Inggeris mahupun bahasa Melayu. BIM mempunyai tatabahasanya yang tersendiri yang mana ianya lebih menjurus kepada apa yang boleh dilihat oleh orang pekak itu sendiri. Tidak dapat dinafikan bahawa BIM ini tidak sesuai dalam proses pembelajaran dan pengajaran bahasa samada bahasa inggeris mahupun bahasa Melayu. Walaupun begitu penggunaan BIM amat berguna untuk memudahkan pemahaman orang pekak.

Manakala, KTBM (Kod Tangan Bahasa Melayu) ini bukan sesuatu bahasa umum tetapi merupakan salah satu cara komunikasi dalam tatabahasa Bahasa Melayu

yang baku. Dengan kata lain, KTBM digunakan apabila berlakunya terjemahan daripada lisan (suara) kepada visual (tangan) dalam tatabahasa Bahasa Melayu. KTBM ini tidak memberi kesan yang baik dan melambatkan lagi komunikasi antara dua orang Pekak. Bukan sahaja KTBM tidak dapat memberi gambaran dan maksud kepada orang Pekak, tetapi juga menyebabkan orang pekak tidak dapat menguasai Bahasa Melayu dengan baik. Apabila KTBM digunakan, kebanyakan orang pekak mengalami kekeliruan apabila berkomunikasi dalam KTBM. KTBM digunakan sepenuhnya dalam proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ia juga merupakan bahasa standard bagi semua sekolah pendidikan khas di negara ini.

Perbezaan dari penggunaannya pula, bagi BIM ia merupakan bahasa komunikasi harian yang digunakan oleh orang-orang pekak di Malaysia. Sejak dahulu lagi ia menjadi bahasa komunikasi yang dibanggakan oleh orang-orang pekak itu sendiri. Sedangkan KTBM digunakan oleh guru-guru dan kanak-kanak pekak di sekolah semasa sesi pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa. Ini adalah kerana KTBM dapat menyemai Bahasa Melayu yang sebenar. KTBM ini menggunakan komunikasi secara menyeluruh termasuklah anggota badan dan juga ekspresi muka. Walaubagaimana pun, guru-guru bagi kanak-kanak pekak ini turut menggunakan BIM bagi membantu meningkatkan kefahaman murid-murid pekak

Seterusnya, kita juga dapat melihat perbezaan apabila KTBM lebih menekankan penggunaan imbuhan awalan dan akhiran dalam perkataan yang digunakan. Berbanding dengan BIM, ia lebih kepada ringkasan dan tidak ada penambahan imbuhan pada perkataan yang digunakan. Malah, jika BIM diterjemahkan dalam bentuk penulisan, susunan ayat BIM adalah tidak tepat serta tidak tersusun dengan baik. Bagi golongan pekak yang terpelajar biasanya mempunyai kemahiran BIM dan KTBM kerana mereka dapat menguasai Bahasa Malaysia dengan baik. Mereka menggunakan imbuhan dan ayat yang betul dalam Bahasa Malaysia. Tetapi, dalam buku KTBM edisi kedua dan seterusnya dikatakan sukar diingati dan jarang digunakan oleh kebanyakan warga pekak.

Secara keesimpulannya yang dapat dibuat berdasarkan perbezaan kedua jenis Bahasa isyarat ini ialah masing-masing memiliki kelebihan dan kekurangan tersendiri. Bagi saya, kemahiran untuk menguasai bahasa isyarat sama ada BIM ataupun KTBM amat penting untuk membantu golongan pekak yang ingin berkomunikasi bersama kita.

2.Bincangkan mengenai isu perkembangan bahasa dan sosial murid masalah pendengaran.